

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 20 NOVEMBER 2017

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN • ISININ 20 NOVEMBER 2017

MOHD IZZATUL IZUAN • 019-2850821 / 019-3371066

SABAK BERNAM 21

## Nelayan rayu *bina jeti baharu*

Pangkalan usang selain mengancam keselamatan itu perlu dibaiki segera

**SUNGAI PANJANG** - Kira-kira 30 nelayan sungai di Jeti Nelayan Kampung Tanjung Medan, di sini, merayu pihak berwajib membaik pulih jeti nelayan kampung itu yang dalam keadaan daif sejak lima tahun lalu.

Penduduk mendakwa, keadaan itu menyukarkan nelayan sungai di kawasan berhampiran untuk memuat bot dan mendaratkan ikan di jeti sepanjang 30 meter itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Parit 16 Binjai Patah, Salim Lin berkata, jeti yang dibina semasa pentadbiran bekas Menteri Besar Selangor, Dr Mohamad Khir Toyo kira-kira 10 tahun lalu itu dalam keadaan usang dan memerlukan perhatian pihak berwajib.

"Jika dilihat, banyak tiang-tiang kayu di jeti ini mereput dan patah hingga mengundang risiko bahaya sekiranya digunakan," katanya.

Menurut Salim, sejak jeti itu dalam keadaan usang dan berbahaya, penduduk terpaksa menambat bot mereka di kawasan lain.

"Sebahagian nelayan terpaksa ambil inisiatif lain seperti tambat di belakang rumah atau kawasan lebih jauh daripada jeti sedia ada," katanya.

Seorang lagi nelayan, Safie Ab Wahit, 31, berkata, pihak berwajib seharusnya memandang serius, apatah lagi terdapat pertambahan jumlah nelayan sungai di kawasan itu.

"Jeti ini sudah lama tidak digunakan nelayan sebab risiko keselamatan lagi pun keadaan di jeti bertambah teruk lepas pernah dilanggar sebuah feri syarikat swasta.

"Kita rayu, isu ini dapat ditangani segera bagi memudahkan nelayan untuk menangkap ikan di sungai," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi berkata, kerajaan negeri digesa mencari jalan penyelesaian berhubung isu berkenaan dan disarankan supaya tidak terlalu ghairah berpolitik hingga mengabaikan kepentingan dan kebajikan rakyat di kawasan terbabit.

"Jeti dibina ketika BN memerintah negeri ini tapi terdapat syarat baru ditetapkan kerajaan Selangor pada masa sekarang termasuk sebarang pembinaan di jeti memerlukan kelulusan daripada Lembaga Urus Air Selangor (Luas).

"Saya difahamkan, Luas tidak membenarkan pembinaan jeti konkrit dan ini memerlukan perbincangan lanjut. Kita minta isu ini tidak dipolitikkan, apatah lagi inilah sumber pendapatan penduduk di kawasan berhampiran," katanya.

Menurutnya, ketika ini, nelayan terpaksa membina jeti peribadi dibuat sendiri di kawasan yang sesuai.



Budiman bersama penduduk meninjau keadaan Jeti Nelayan Kampung Tanjung Medan yang daif.